



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 9 ISSUE 1 2024

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

Homepage: <https://www.ukm.my/turath/>



### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of  
Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University Of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: alturathjournal@gmail.com

### Journal QR Code :



# ANALISIS PENISBAHAN *QIRAAAT MAWDU'AH* DALAM TAFSIR *AL-MA'THUR DAN AL-RA'Y*

Analysis of the Narration of *Qiraat Mawdu'ah* in the *Tafsir al-Ma'thur* and *al-Ra'y*

Muhammad Zaid Harithah Azeman<sup>1\*</sup> & Mohd Faizulamri Mohd Saad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

\*Corresponding author: p127263@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2024-0901-02>

---

## Article history

Received:  
13/03/2023

Revised:  
26/06/2023

Accepted:  
01/10/2023

Published:  
30/06/2024

## Abstrak

Qiraat *mawdu'ah* adalah qiraat yang tiada asal sandarannya ataupun palsu. Riwayat qiraat *mawdu'ah* ini dapat ditemukan dalam kitab-kitab tafsir al-Quran dan sebahagian pentafsir menukilkan qiraat ini bersama perawinya dalam pentafsiran mereka. Artikel ini memberi fokus kepada penganalisisan penisbahana qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir *bi al-ma'thur* dan *bi al-ra'y* serta kritikan para sarjana terhadap riwayat-riwayat tersebut. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes secara kolektif. Data kajian dikumpulkan menerusi analisis dokumen terhadap kitab-kitab tafsir daripada kedua-dua kategori yang menukilkan qiraat *mawdu'ah* dan kitab-kitab qiraat yang membicarakan berkenaan qiraat tersebut. Data-data ini kemudian dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati bahawa sebahagian pentafsir menukilkan riwayat qiraat *mawdu'ah* tanpa menyatakan status riwayat manakala sebahagian pentafsir lain mengkritik serta menolak qiraat tersebut. Sebahagian besar perawi yang dinisbahkan kepada qiraat ini adalah *thiqah* dan penisbahana qiraat tersebut adalah palsu serta mencemarkan nama baik mereka. Sebahagian perawi yang lain pula berfahaman dengan fahaman akidah yang batil dan mengada-adakan bacaan dengan tujuan untuk menyokong kefahaman akidah mereka. Implikasi kajian ini memberikan penekanan terhadap para pembaca atau pengkaji agar lebih berhati-hati apabila berinteraksi dengan riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir supaya ianya tidak dinukilkhan tanpa dinyatakan status riwayat tersebut.

**Kata Kunci:** Qiraat, *Mawdu'ah*, Palsu, Tafsir, Penisbahana



### Abstract

*Qiraat mawdu'ah* refers to recitations of the Quran that lack authentic backing or are deemed fabricated. These narrations can be found in tafsir books where some exegetes recite them with their narrators as part of their interpretations. This article focuses on analyzing *qiraat mawdu'ah* in the works of *tafsir bi al-ma'thur* and *bi al-ra'y*. The study employs a qualitative approach using a collective case study design. Research data were collected through document analysis of tafsir books containing these narrations and books on qiraat discussing such recitations. The data were analyzed descriptively. The findings indicate that while some exegetes recite *qiraat mawdu'ah* without specifying their status, others criticize and reject them. Most narrators attributed to these qiraat are considered *thiqah* (trustworthy), yet their association with these recitations tarnishes their reputation. Some narrators misunderstood matters of faith and fabricated readings to support their beliefs. This study underscores the importance of caution when engaging with *qiraat mawdu'ah* in tafsir works, urging readers and researchers to cite them responsibly by clearly stating the status of each narration.

**Keywords:** Readings, Fabricated, False, Exegeses, Narration

## PENGENALAN

Penurunan al-Quran sebanyak tujuh huruf merupakan suatu rahmat oleh Allah SWT terhadap umat nabi Muhammad SAW. Kepelbagaiannya wajah-wajah qiraat hasil daripada penurunan al-Quran sebanyak tujuh huruf ini dimanfaatkan oleh umat manusia dalam menghadapi kehidupan berpandukan tunjuk ajar agama Islam. Selain untuk memudahkan umat Islam membaca al-Quran mengikut wajah-wajah qiraat yang mudah bagi mereka, qiraat juga berfungsi sebagai salah satu sumber pentafsiran al-Quran sebagaimana yang didapati dalam karya-karya tafsir al-Quran. Qiraat sebagaimana yang dinyatakan oleh para sarjana terbahagi kepada dua kategori utama iaitu qiraat *mutawatirah* dan *shadhdhab* (Abu Shamah 2003, Ibn al-Jazari 1999). Kedua-dua kategori qiraat ini dinukilkhan oleh para pentafsir sebagai salah satu sumber pentafsiran dalam karya mereka.

Selain daripada kedua-dua jenis qiraat ini, kajian-kajian lepas juga menemukan bahawa qiraat *mawdu'ah* turut digunakan oleh *mufassirin* dalam karya-karya tafsir mereka seperti tafsir al-Nasafi (Kurdiyyah 2001; Mohd Faizulamri 2015), tafsir al-Zamakhshari (Al-Dumi 2004) dan tafsir al-Tabarsi (Izuli 2013; 'Abd al-Halim 2016). Penemuan riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam kitab-kitab tafsir al-Quran memerlukan kepada penelitian serta kajian terhadap nukilannya oleh para pentafsir. Aspek-aspek yang perlu diberi perhatian terhadap nukilan riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir adalah penganalisisan dari sudut penisbahan dan pentafsiran. Sepertimana yang diketahui dalam seni ilmu qiraat, setiap qiraat dinisbahkan kepada perawi-perawi tertentu. Penilaian terhadap perawi-perawi tersebut boleh menggambarkan status sesebuah qiraat sama ada *mutawatirah* mahupun *shadhdhab* (Mohd Faizulamri 2015).

Qiraat *mawdu'ah* yang ditemukan dalam karya-karya tafsir al-Quran juga telah dinisbahkan kepada perawi-perawi tertentu sebagaimana qiraat *mutawatirah* dan *shadhdhab*. Penganalisisan terhadap periwayatan qiraat *mawdu'ah* perlu dilakukan bagi menilai dan mengenalpasti kedudukan perawi-perawi yang meriwayatkan bacaan ini dalam kitab-kitab tafsir. Selain itu, kritikan para sarjana terhadap status qiraat dan perawinya turut akan dilihat bagi membantu dalam membuat penilaian terhadap kedudukan sanad penisbahan qiraat tersebut.

## Skop dan Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes secara kolektif. Skop kajian adalah tertumpu kepada riwayat qiraat *mawdu'ah* yang dinukilkhan dalam kitab-kitab

tafsir *bi al-ma'thur* and *bi al-ra'y*. Penulis memilih 5 riwayat qiraat *mawdu'ah* yang dinukilkkan dalam karya-karya tersebut sebagai sampel kes dalam kajian ini untuk tujuan penganalisisan. Teknik analisis dokumen diaplikasikan bagi mendapatkan sampel data riwayat qiraat *mawdu'ah* daripada sumber rujukan utama iaitu *Fi al-Qira'at al-Qur'aniyyah* oleh Shukri (2006) dan *al-Shi'ah wa Tahrij al-Qur'an* oleh Mal Allah (1982). Rujukan terhadap *Mu'jam al-Qira'at* karangan al-Khatib (2000) pula membantu penulis mengenalpasti karya-karya tafsir yang meriwayatkan qiraat tersebut.

Seterusnya, kesemua sampel tersebut akan dianalisis secara terperinci dengan melihat kepada penisahan qiraat tersebut kepada perawi-perawi yang disebutkan dalam setiap karya tafsir yang menukilkannya. Kritikan-kritikan para sarjana muktabar daripada kitab-kitab perbahasan qiraat serta tafsir al-Quran dan kajian-kajian ahli akademik terhadap penisahan riwayat qiraat ini turut juga dianalisis menggunakan teknik analisis deskriptif dan perbandingan. Teknik-teknik ini akan diaplikasikan bagi mendapatkan gambaran kedudukan riwayat-riwayat qiraat *mawdu'ah* ini dalam karya tafsir al-Quran di sisi para sarjana serta status para perawi yang dinisahkan kepadanya.

### Definisi Qiraat *Mawdu'ah*

Perkataan *mawdu'ah* (موضوعة) merupakan *ism maf'uul* daripada perkataan *wada'a*, *yada'un* (يضع), *wad'an* (وضعًا) dan *mawdu'an* (موضوعاً) (Umar 2008). Perkataan ini mempunyai kepelbagaiian makna mengikut kepada kesesuaian sesuatu ayat yang dimaksudkan seperti meletakkan, menyusun, menulis, menjatuhkan, menghina, melahirkan, mencipta, mengasaskan dan lain-lain (Umar 2008). Setelah melihat kepada kepelbagaiian makna tersebut, definisi yang paling sesuai untuk digunakan bagi perkataan *mawdu'* dalam kajian ini adalah ‘dicipta’ atau ‘direka’. Dalam *Lisan al-'Arab*, Ibn Manzur (t.th) menyatakan (وَوْضَعَ الشَّيْءَ وَضْعًا: اخْتَلَقَهُ) yang membawa maksud ‘mengadakannya’ atau ‘menciptanya’. Dalam *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*, Umar (2008) menyebutkan (وَضْعُ الْحَدِيثَ: افْتَاهَ، وَكَذَبَهُ وَاخْتَلَقَهُ "وضع فلان الخبر") iaitu mereka-reka dan mencipta hadis ataupun khabar.

Penggunaan istilah *mawdu'ah* dalam kajian ini adalah merujuk kepada istilah dalam ilmu qiraat iaitu qiraat yang dinisahkan kepada perawinya tanpa ada asal sandarannya ataupun qiraat yang direka-reka (Al-Suyuti 1974; Al-Qattan 2015; Al-Ma'sarawi 2008; Mohd Faizulamri, Sabri & Mohd Nazri 2020). Hal ini perlu dibezakan dengan istilah *mawdu'* dalam ilmu hadith kerana keduanya menggunakan konsep makna yang sama iaitu ‘dicipta’ atau ‘direka’. Perkataan *mawdu'* dalam bidang hadith merujuk kepada khabar yang dicipta atau diada-adakan oleh pendusta-pendusta dan menisahkan khabar tersebut kepada Rasulullah SAW (Al-Salih 2009).

Istilah *al-qira'at al-mawdu'ah* mula diperkenalkan oleh al-Suyuti (1974) dalam kitabnya *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Menurut al-Suyuti (1974), pembahagian jenis-jenis qiraat adalah *mutawatir*, *mashbur*, *ahad*, *shadh*, *mawdu'* dan *mudraj*. Beliau telah meletakkan pembahagian jenis-jenis qiraat ini setelah menukilkan perbahasan Ibn al-Jazari berkenaan perkara ini. Ibn al-Jazari (2019) menukilkan pernyataan daripada al-Qaysi (t.th) yang telah membahagikan qiraat kepada tiga bahagian. Pertama sekali adalah qiraat yang dibaca pada harini iaitu qiraat yang menepati ketigatiga rukun *al-qira'at al-sabihah* iaitu sah sanadnya, menepati kaedah *rasm al-mushaf* dan bahasa Arab. Kedua, qiraat yang diterima tetapi tidak dibaca (*yuqbal wa la yuqra'*) iaitu qiraat yang sah sanadnya secara *ahad*, menepati kaedah dalam bahasa Arab akan tetapi tidak menepati *rasm al-mushaf*. Ketiga adalah qiraat yang tidak diterima dan tidak dibaca (*la yuqbal wa la yuqra'*) iaitu qiraat yang dibaca tanpa *thiqah* ataupun qiraat yang dibaca oleh perawi yang *thiqah* akan tetapi tidak menepati salah satu kaedah dalam bahasa Arab.

Setelah menyatakan ketiga-tiga bentuk qiraat tersebut, Ibn al-Jazari (2019) menambah lagi satu bahagian iaitu bacaan yang tidak terdapat asal sandaran walaupun menepati kaedah bahasa Arab dan *rasm*. Qiraat ini ditolak serta ditegah sepenuhnya dan barangsiapa yang melakukannya dikira telah melakukan satu perbuatan dosa besar. Malah bacaan tersebut tidak dipanggil sebagai *shadh* bahkan *makdhubah* ataupun dusta (Ibn al-Jazari 2019). Berdasarkan perbahasan di atas, kita dapat simpulkan bahawa al-Suyuti (1974) telah mendatangkan istilah qiraat *mawdu'ah* hasil daripada pernyataan al-Qaysi berkenaan qiraat yang dibaca tanpa *thiqah* dalam kategori *la yuqbal wa la yuqra'* dan pernyataan Ibn al-Jazari berkenaan bacaan *makdhubah* tanpa asal sandaran.

Walau bagaimanapun, al-Dusari (2008) mendefinisikan qiraat *mawdu'ah* sebagai qiraat *shadhdhab* kerana segala wajah qiraat yang terkeluar daripada rukun-rukun qiraat *mutawatirah* dan *sahihah* dikenali sebagai *shadh*. Kenyataan ini bertentangan dengan pandangan Ibn al-Jazari (2019) yang menyatakan bahawa bacaan tersebut tidak dipanggil sebagai *shadh* bahkan *makdhubah*. Penulis berpandangan bahawa beliau meletakkan qiraat *mawdu'ah* sebagai qiraat *shadhdhab* atas dasar bahawa ianya tidak menepati rukun-rukun qiraat *maqbalah* sebagaimana yang diletakkan oleh Ibn al-Jazari dan para sarjana yang lain.

Tambahan lagi, al-Sindi (1994) menyatakan bahawa qiraat yang diriwayatkan dengan jalan *abad* atau *mudrajah* terletak di bawah kategori qiraat yang *shadhdhab*, adapun apa yang tiada sanad padanya secara mutlak atau apa yang diriwayatkan secara makna maka ianya tidak termasuk dalam takrifan qiraat *shadhdhab*. Hal ini disokong oleh pernyataan al-Ja'fari (2014) yang mengatakan bahawa penamaan qiraat *mawdu'ah* dengan istilah qiraat hanyalah penamaan *majaziyah* semata-mata kerana ianya disebutkan dalam sebahagian kitab-kitab qiraat *shadhdhab* walhal pada hakikatnya ia bukanlah qiraat dan tidak layak dinamakan dengan istilah qiraat.

### **Qiraat *Mawdu'ah* Dalam Kitab Tafsir Al-Quran**

Periwayatan qiraat *mawdu'ah* dapat ditemukan dalam pelbagai kitab tafsir al-Quran. Penganalisisan berdasarkan rujukan utama seperti kitab *Mu'jam al-Qira'at* karangan al-Khatib (2000), *Fi al-Qira'at al-Qur'aniyyah* karangan Shukri (2006) dan juga rujukan-rujukan yang lain membantu penulis untuk mengenalpasti kitab-kitab tafsir yang menukarkan qiraat tersebut. Berikut adalah sebahagian qiraat *mawdu'ah* yang ditemukan dalam kitab-kitab tafsir:


Bil.	Surah	Ayat	Qiraat <i>mawdu'ah</i>	Sumber
1	Fatir	28	إِنَّمَا يَخْشِيُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ	Tafsir al-Zamakhshari Tafsir al-Qurtubi Tafsir Abu Hayyan, Tafsir al-Shawkani, Tafsir al-Naysaburi Tafsir al-Alusi
2	Al-Falaq	2	مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ	Tafsir Ibn 'Atiyyah Tafsir Abu Hayyan Tafsir al-Samin al-Halabi Tafsir al-Alusi Tafsir al-Shawkani Tafsir al-Nasafi
3	Ali 'Imran	33	آلٌ مُحَمَّدٌ عَلَى الْعَالَمِينَ	Tafsir Abu Hayyan Tafsir al-Qummi Tafsir al-Tabarsi
4	Al-Furqan	74	وَاجْعَلُنَا مِنَ الْمُتَقِينَ إِمَاماً	Tafsir al-Qummi Tafsir al-Tusi

5	Al-Jathiyah	60	هذا كتابنا يُنطَقُ عَلَيْكُمْ بِالْحَقِّ	Tafsir al-Tabarsi
				Tafsir al-Qummi Tafsir al-Tabarsi Tafsir al-Kashani

Jadual 1: Sebahagian Qiraat Mawdu'ah dalam Kitab Tafsir

Berdasarkan 5 sampel qiraat *mawdu'ah* ini, 14 buah kitab tafsir menukilkan riwayat qiraat *mawdu'ah* tersebut. Penulis telah menyenaraikan kitab-kitab tafsir tersebut dan menyusunnya mengikut pembahagian tafsir *bi al-ma'thur*, *bi al-ra'y* dan *bi al-ra'y al-madhmum* sebagaimana rajah berikut :

Rajah 1: Kategori Kitab Tafsir



Sumber: Penulis (2024)

Rajah menunjukkan bahawa sebuah kitab tafsir *bi al-ma'thur* menukilkan riwayat qiraat *mawdu'ah* manakala 13 kitab tafsir *bi al-ra'y* menukilkan riwayat qiraat *mawdu'ah*. Sebahagian daripada kategori ini adalah daripada kategori tafsir *bi al-ra'y al-madhmum* iaitu sebuah kitab tafsir daripada pentafsir berfahaman muktazilah dan enam buah kitab tafsir syiah.

### Analisis Penisbahan Qiraat *Mawdu'ah*

Penisbahan qiraat kepada perawi merupakan salah satu aspek terpenting dalam perbincangan ilmu qiraat kerana ianya berkaitan dengan periwayatan sesebuah qiraat secara bersanad. Penisbahan qiraat kepada qurra' tertentu boleh menggambarkan sesebuah qiraat tersebut berstatus *mutawatirah* ataupun sebaliknya iaitu *shadhdhab* (Mohd Faizulamri 2015). Penisbahan qiraat juga berlaku terhadap kategori qiraat *mawdu'ah* namun perkara yang membezakannya dengan qiraat yang lain adalah sanad yang dinisbahkan kepada perawi tersebut tidak ditemukan asalnya berpandukan kepada pendapat daripada para sarjana qiraat. Berkemungkinan bahawa penisbahan tersebut adalah rekaan terhadap diri perawi tersebut ataupun perawi itu sendiri yang mengada-adakan qiraat tersebut.

Analisis terhadap penisbahan qiraat *mawdu'ah* yang dinyatakan sebelum ini menemukan sebanyak 7 perawi yang dinisbahkan kepada qiraat tertentu. Penulis menyusun perawi-perawi ini

berpandukan setiap qiraat *mawdu'ah* yang dinisbahkan kepada mereka. Sebahagian qiraat *mawdu'ah* dinisbahkan kepada seorang perawi manakala sebahagian lain dinisbahkan kepada beberapa perawi. Berikut adalah perincian bagi setiap kumpulan perawi yang dinisbahkan qiraat *mawdu'ah* padanya:

### 1. Qiraat yang dinisbahkan Abu Hanifah

Firman Allah SWT pada surah Fatir (35: 28) :

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعَلَمُوُا

Maksudnya: Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu.

Diriwayatkan bahawa Umar bin 'Abd al-'Aziz, Ibn Sirin, Abu Haywah dan Abu Hanifah membaca dengan *rifa'* pada *lafz al-Jalalah* dan *nash* pada (العلماء). Qiraat ini ditemukan dalam tafsir al-Zamakhshari (1998), tafsir al-Qurtubi (1935), tafsir al-Razi (1981), tafsir Abu Hayyan (2010), tafsir al-Nasafi (1998), tafsir al-Shawkani (1999), tafsir al-Naysaburi (1996) dan tafsir al-Alusi (1994).

Al-Zamakhshari (1998) meriwayatkan bahawa qiraat tersebut dibacakan oleh Umar bin 'Abd al-'Aziz dan Abu Hanifah. Para *mufassirin* iaitu al-Qurtubi, Abu Hayyan, al-Shawkani, al-Naysaburi dan al-Alusi menukilkan riwayat qiraat ini daripada tafsir al-Zamakhshari manakala al-Razi menukilkan qiraat ini tanpa penisbahan kepada mana-mana perawi. Al-Nasafi (1998) juga meriwayatkan kedua-dua perawi Abu Hanifah dan Umar bin 'Abd al-'Aziz dengan qiraat ini akan tetapi dengan penambahan seorang perawi lain iaitu Ibn Sirin. Menurut al-Khatib (2000) dalam kitab *Mu'jam al-Qira'at*, riwayat qiraat Abu Haywah ditemukan dalam kitab *al-Kamil fi al-Qira'at al-'Ashr wa al-Arba'in al-Za'idah 'alaiba* karangan al-Hudhali (2007). Namun yang demikian, penulis tidak menemukan qiraat itu dalam kitab tersebut.

Menurut Ibn al-Jazari (1998), bacaan ini tiada asalnya dan ianya telah dikumpulkan oleh Abu Fadl Muhammad bin Ja'far al-Khuza'i serta telah dinukilkan oleh Abu Qasim al-Hudhali dan lain-lainnya. Qiraat ini telah tersebar dalam kalangan *mufassirin* dan dinisbahkan kepada Abu Hanifah akan tetapi beliau berlepas diri daripadanya, iaitu tidak ditemukan sebarang asal dalam penisbahan tersebut.

### 2. Qiraat yang dinisbahkan kepada 'Amr bin Fa'id, 'Amr bin 'Ubayd dan Abu Hanifah

Firman Allah SWT dalam surah al-Falaq (113: 2)

مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya: Dari bencana makhluk-makhluk yang Dia ciptakan.

Diriwayatkan bahawa 'Amr bin Fa'id, 'Amr bin 'Ubayd dan Abu Hanifah yang membaca dengan *tannin* pada (شر) (Al-Khatib 2000). Riwayat qiraat 'Amr bin 'Ubayd dapat ditemukan dalam tafsir *al-Muharrar al-Wajiz* karya Ibn 'Atiyyah (2001). Abu Hayyan (2010) dan al-Halabi (t.th) menukilkan riwayat qiraat 'Amr bin 'Ubayd daripada Ibn 'Atiyyah selain menambah perawi lain iaitu 'Amr bin Fa'id. Begitu juga dengan al-Alusi (1994) dan al-Shawkani (1998) yang menukilkan kedua-dua perawi tersebut daripada Abu Hayyan dan Ibn 'Atiyyah. Al-Nasafi (1998) pula menyatakan bahawa qiraat ini diriwayatkan oleh Abu Hanifah. Ibn Khalawayh (t.th) dalam *Mukhtasarnya* meriwayatkan qiraat ini daripada 'Amr bin Fa'id.

Riwayat qiraat ini mendapat kritikan dan ditolak oleh para sarjana (Shukri 2006). Ibn ‘Atiyyah (2001) menyatakan bahawa qiraat itu ditolak dan terbina atas mazhab yang batil. Al-Shawkani (1998) menyatakan bahawa sebahagian pentaksuh seperti ‘Amr bin ‘Ubayd dan ‘Amr bin Fa’id, telah mengubah ayat ini mengikut kesesuaian kefahaman mereka yang batil. ‘Amr bin Ubayd dan ‘Amr bin Fa’id berfahaman muktazilah dan kedua-dua mereka didapati meriwayatkan beberapa huruf daripada al-Quran (Ibn al-Jazari 2010). Manakala penisbahan qiraat ini kepada Abu Hanifah adalah berstatus *mawdu’*’ (Al-Harbi 2020).

### 3. Qiraat yang dinisahkan kepada Abu ‘Abd Allah Ja‘far al-Sadiq dan *Ahl al-Bayt*

Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan (25: 74)

وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً

Maksudnya: Dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwah.

Diriwayatkan daripada Ja‘far al-Sadiq dan *abl al-bayt* membaca dengan menukar dengan (واجعلنا من المتقين إماماً) menjadi (من المتقين). Qiraat ini ditemukan dalam tafsir-tafsir syiah seperti tafsir al-Qummi (2014), tafsir al-Tabarsi (2006, 1423H) dan tafsir al-Tusi (t.th). Al-Tabarsi dan al-Tusi menyatakan bahawa ianya adalah qiraat *ahl al-bayt*. Penisbahan qiraat ini terhadap Ja‘far al-Sadiq ditemukan dalam tafsir al-Qummi dan al-Tabarsi.

Al-Qummi mendatangkan riwayat bahawa telah dibacakan ayat ini dengan kehadiran Ja‘far al-Sadiq lalu beliau berkata, “Sesungguhnya mereka telah meminta kepada Allah SWT sesuatu yang hebat, untuk menjadikan mereka pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa”. Lalu ditanyakan kepada Ja‘far al-Sadiq, “Bagaimakah yang sebenarnya wahai anak Rasulullah SAW?”. Lalu beliau menjawab bahawa Allah SWT menurunkan ayat ini seperti berikut (واجعلنا من المتقين إماماً) (Al-Qummi 2014). Begitu juga dengan al-Tabarsi yang mendatangkan riwayat daripada Abu Basir, bahawa ayat yang diturunkan adalah (واجعلنا من المتقين إماماً) sebagaimana yang diberitahu oleh Ja‘far al-Sadiq (Al-Tabarsi 1423H). Riwayat yang disebutkan ini tidak ditemukan dalam mana-mana sumber hadis *abl al-sunnah wa al-jama‘ah* malah ianya tidak disebutkan dalam kitab-kitab qiraat muktabar.

### 4. Qiraat yang dinisahkan kepada Abu Ja‘far Muhammad al-Baqir

Firman Allah SWT dalam surah al-Jathiyah (45: 60)

هُدَا كَتَبْنَا يَنْطِقُ عَلَيْكُمْ بِالْحَقِّ إِنَّا كُنَّا نَسْتَرِسُ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya : Inilah surat (tulisan malaikat) Kami, ia memberi keterangan terhadap kamu dengan yang benar, kerana sesungguhnya Kami telah (perintahkan malaikat) menulis segala yang kamu telah lakukan (di dunia dahulu)

Diriwayatkan dalam tafsir *Jawami‘ al-Jami‘* karya al-Tabarsi (1423H) bahawa al-Baqir membaca secara *al-bina’ li al-maf’ul* iaitu (يُنْطِقُ). Al-Qummi (2014) dan al-Kashani (1419H) juga meriwayatkan qiraat ini melalui sebuah riwayat daripada Abu ‘Abd Allah Ja‘far al-Sadiq bahawa beliau membaca ayat ini pada seseorang. Kemudian dia berkata, “Sesungguhnya surat ini tidak berkata-kata dan tidak akan berkata-kata, akan tetapi Rasulullah SAW yang berkata-kata melalui

surat itu, Allah SWT berfirman (menurut dakwaan mereka) : yang (هذا كتابنا يُنطَقُ عَلَيْكُمْ بِالْحَقِّ) bermaksudnya, “Inilah surat Kami, yang dikatakan kepada kamu dengan yang benar”. Al-Sadiq berkata, “Sesungguhnya kami tidak membacakannya seperti ini. Lalu dia berkata, “Demi Allah beginilah ianya diturunkan oleh Jibril a.s. ke atas Muhammad SAW, akan tetapi ianya telah diubah daripada kitab Allah SWT”.

Qiraat ini tidak ditemukan dalam mana-mana sumber tafsir mahupun qiraat yang muktabar melainkan daripada sumber mazhab syiah seperti dalam kitab *al-Kafi* karangan al-Kulayni. Riwayat ini dinukilkhan oleh Zahir (1979) sebagai salah satu hadis yang menyebutkan berkenaan *tabrif* yang berlaku dalam al-Quran. Semestinya Abu Ja‘far al-Baqir adalah tergolong dalam kalangan *ahl al-sunnah wa al-jama‘ah* (Mus‘ad 2019). Segala dakwaan syiah *al-imamiyyah* berkenaan *imamah* Abu Ja‘far al-Baqir adalah sebuah prolog yang dusta terhadap dirinya sebagaimana imam-imam yang lain dan dakwaan mereka tidak didokong oleh mana-mana hujah yang meyakinkan (Mohd Hamidi & Mohd Fauzi 2016).

## 5. Qiraat yang dinisbahkan kepada ‘Abd Allah Ibn Mas‘ud dan *Ahl a-Bayt*

Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran (3: 33)

إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَى آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam, dan Nabi Nuh, dan juga keluarga Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing).

Diriwayatkan bahawa ‘Abd Allah bin Mas‘ud membaca dengan menambah kalimah (وَآل ) (آل محمد) pada ayat tersebut menjadi (وَآل عمران وَآل محمد على العالمين) (Abu Hayyan 2010). Riwayat ini juga ditemukan dalam kitab-kitab tafsir syiah. Al-Qummi (2014) meriwayatkan daripada *al-‘Alim* a.s bahawa ayat al-Quran yang diturunkan adalah (آل إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ وَآلَ مُحَمَّدٍ عَلَى الْعَالَمِينَ) lalu dibuang (آل محمد) daripada al-Quran.

Al-Tabarsi (2006) menyatakan bahawa qiraat ini dibaca oleh *ahl al-bayt*. Bacaan ini juga dapat ditemukan dalam karya Arthur Jeffery (1937) berjudul *Material for the History of the Text of the Quran*. Abu Hayyan (2010) menyatakan bahawa kebanyakan qiraat ‘Abd Allah bin Mas‘ud dinisbahkan melalui golongan syiah manakala menurut ahli *sunnah*, qiraat Ibn Mas‘ud adalah bertepatan dengan bacaan seluruh umat Islam.

## Perbincangan

Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa para pentafsir menukilkan riwayat qiraat *mawdu‘ah* dalam kitab-kitab tafsir mereka. Kita dapat lihat di sini bahawa sebahagian pentafsir menukilkan riwayat-riwayat qiraat ini tanpa menyatakan statusnya yang *mawdu‘* manakala sebahagian pentafsir lain mengkritik serta menolak qiraat tersebut. Terdapat banyak lagi nukilan-nukilan qiraat *mawdu‘ah* dalam kitab tafsir lain yang tidak disebutkan dalam kajian ini.

Dari sudut pandang yang lain, penelitian terhadap perawi-perawi yang dinisbahkan kepada sesebuah qiraat *mawdu‘ah* mendapati bahawa sebahagian besar daripada mereka adalah dalam kalangan yang *thiqah*. Imam Abu Hanifah merupakan seorang imam yang dikenali dan *faqih* dalam bidang fiqh serta menjadi rujukan oleh masyarakat umat Islam. Qiraat yang dibaca oleh beliau adalah daripada ‘Asim bin Abi al-Najud, al-A‘mash dan ‘Abd al-Rahman bin Abi Layla manakala qiraat yang dinukilkhan oleh al-Khuza‘i dan al-Hudhali berstatus *mawdu‘* (Al-Harbi 2020).

Penulis hanya menukilkhan salah satu contoh qiraat *mawdu'ah* yang dinisbahkan kepada beliau sedangkan dalam kajian al-Harbi (2020), terdapat 39 riwayat qiraat *shadhbah* yang dinisbahkan kepadanya dan ianya telah disahkan sebagai *mawdu'*.

Bahagian seterusnya adalah kumpulan perawi yang mempunyai kaitan atau dikaitkan dengan kefahaman akidah yang batil iaitu muktazilah dan syiah. Perawi yang berfahaman muktazilah iaitu ‘Amr bin Fa’id dan ‘Amr bin ‘Ubayd dilabel sebagai tidak *thiqah* oleh para sarjana kerana kecenderungan mereka terhadap mazhab tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Shawkani (1998) bahawa mereka telah mengubah ayat al-Quran mengikut kesesuaian kefahaman mereka yang batil.

Para pentafsir daripada golongan Syiah *Imamiyyah* pula menisbahkan qiraat *mawdu'ah* kepada Abu Ja‘far Muhammad al-Baqir dan Abu ‘Abd Allah Ja‘far al-Sadiq yang menurut dakwaan mereka adalah merupakan salah seorang imam daripada dua belas imam yang maksum. Selain itu, mereka menisbahkan qiraat *mawdu'ah* kepada sahabat iaitu ‘Abd Allah bin Mas‘ud. Mereka menisbahkan qiraat kepada kata-kata *athar* seperti mashaf Ubay r.a. dan mashaf Ibn Mas‘ud r.a. bagi memperkuuhkan kefahaman dan dakwaan mereka yang jauh tersesat (Shahin 2007). Sememangnya Ibn Mas‘ud r.a., al-Baqir serta al-Sadiq merupakan *kibar ahl al-sunnah wa al-jama‘ah* dan mereka berlepas diri daripada segala pendustaan golongan pelampau tersebut.

## KESIMPULAN

Demikian adalah analisis penisbahan terhadap sebahagian qiraat *mawdu'ah* yang terdapat dalam karya-karya tafsir *bi al-ma’thur* dan *bi al-ra'y*. Kewujudan riwayat-riwayat qiraat *mawdu'ah* dalam karya-karya tafsir ini perlu diberikan penekanan yang serius kerana riwayat-riwayat ini dinukilkhan secara berterusan oleh para pentafsir muktabar sehingga kepada karya-karya tafsir yang moden pada hari ini. Penisbahan qiraat tanpa asal sandaran sanad yang sahih bahkan palsu ini merosakkan kesucian rantaian sanad periwayatan qiraat dan perkara tersebut disebarluaskan dalam karya-karya tafsir. Tambahan lagi, penisbahan qiraat *mawdu'ah* kepada para perawi dalam karya-karya tafsir ini telah mencemarkan kredibiliti mereka yang telah diperakui sebagai *thiqah* oleh para sarjana. Implikasi kajian ini sangat berguna sebagai panduan kepada para pembaca atau pengkaji agar lebih berhati-hati apabila berinteraksi dengan riwayat qiraat dalam karya-karya tafsir supaya dapat dipastikan akan kedudukan sesbuah riwayat qiraat dengan tepat sama ada berstatus *mutawatirah*, *shadhbah* dan *mawdu'ah* khususnya. Di samping itu, kajian ini juga mampu memberi panduan kepada para pengkaji atau penuntut ilmu al-Quran dan qiraat agar tidak menukilkhan serta menyebarkan riwayat-riwayat qiraat *mawdu'ah* kepada orang lain tanpa dinyatakan status riwayat tersebut.

## Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian kajian Sarjana Pengajian Islam di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Sumbangan Pengarang

Konseptualisasi, metodologi, pengumpulan data & analisis, Muhammad Zaid Harithah Azeman; sumber; Mohd Faizulamri Mohd Saad dan Muhammad Zaid Harithah Azeman; semakan dan penyuntingan, Mohd Faizulamri Mohd Saad. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

## Konflik Kepentingan

Tidak berkenaan

## Deklarasi Penggunaan AI

Tidak berkenaan

## Rujukan

- 'Abd al-Halim, Muhammad Ahmad 'Abd al-Fattah. 2016. *Al-Qira'at 'ind al-Tabarsi fi Tafsir Mujamma'* al-Bayan li 'Ulum Dirasah Naqdiyyah Muqaranah. Tesis Sarjana, Amman: *Al-Jami'ah al-Urduniyyah*.
- Abu Hayyan , Muhammad bin Yusuf. 2010. *Al-Bahr al-Mubit fi al-Tafsir*. Jamil, Sidqi Muhammad (pnyt.). Bayrut: *Dar al-Fikr*.
- Abu Shamah, Shihab al-Din 'Abd al-Rahman bin 'Ismail. 2003. *Al-Murshid al-Wajiz ila 'Ulum tata'allaq bi al-Kitab al-'Aziz*. Ibrahim Shams al-Din (pnyt.). Bayrut: *Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah*.
- Al-Alusi, Mahmud bin 'Abd Allah. 1994. *Ruh al-Ma'an fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. 'Atiyyah, 'Ali 'Abd al-Bari (pnyt.). Bayrut: *Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah*.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 1986. *Al-Ittijahat al-Munharifah fi Tafsir al-Qur'an al-Karim Dawaf'i'uba wa Daf'u'uba*. Qahirah: *Maktabah Wabbah*.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 2012. *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Qahirah: *Dar al-Hadith*.
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. 2006. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Qahirah: *Dar al-Hadith*.
- Al-Dumi, Muhammad Mahmud. 2004. *Al-Qira'at al-Mutawatirah fi Tafsir al-Zamakhshari* Dirasah Naqdiyyah. Tesis Sarjana. Irbid: *Jami'at al-Yarmuk*.
- Al-Dusari, Ibrahim bin Sa'id. 2008. *Mukhtasar al-Ibarat li Mu'jam Mustalahat al-Qira'at*. Riyad: *Dar al-Hadarah li al-Nashr wa al-Tawz'i*.
- Al-Halabi, Ahmad bin Yusuf. t.th. *Al-Dur al-Masun fi 'Ulum al-Kitab al-Mubin*. Al-Kharrat, Ahmad Muhammad (pnyt.). Dimashq: *Dar al-Qalam*.
- Al-Harbi, 'Isam bin Dakhil Allah. 2020. *Qira'at al-Imam Abi Hanifah*: Dirasah Ta'thiqiyah Istiqra'iyyah. *Quranica, Majallat 'Alamiyyah li Buhuth al-Qur'an*, 12(2): 161-189.
- Al-Hasan, Muhammad 'Ali. 2000. *Al-Manar fi Ulum al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Hudhali, Abu al-Qasim Yusuf bin 'Ali. 2007. *Al-Kamil fi al-Qira'at wa al-Arba'in al-Za'idah 'unha*. Al-Shayib, Jamal bin al-Sayyid (pnyt.). Sharjah: Mu'assasah Sama li al-Tawz'i wa al-Nashr.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 1350H/1931. *Munjid al-Muqr'i'in wa Murshid al-Talibin*. Qahirah: Maktabat al-Qudsi
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 2019. *Al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Suwayd, Ayman Rushdi (pnyt.). Dimashq: *Dar al-Ghanthani li al-Dirasat al-Qur'aniyyah*.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. 2010. *Ghayat al-Nibayah fi Tabaqat al-Qurra'*. *Maktabat al-Khariji*
- Ibn 'Atiyyah, 'Abd al-Haq bin Ghilib. 1422H. *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*. Muhammad, 'Abd al-Salam 'Abd al-Shafi (pnyt.). Bayrut: *Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah*.
- Izuli Dzulkifli. 2013. Penggunaan Wujuh Qiraat dalam tafsir Shi'ah : Kajian terhadap tafsir *Javami' al-Jami'*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-Ja'fari, 'Ali Dharyan. 2014. *Aqsam al-Qira'at wa Abkamuha al-Ta'abbudiyyah* Dirasah Tabririyah li Arkan al-Qira'at wa Hukm al-Ta'abbud bi al-Mutawatir wa al-Shadb. *Majallat Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah li al-Banin*, 31(1), 1677- 1754.
- Jeffery, Arthur. 1937. *Materials for the History of the test of the Quran*. Leiden: E. J. Brill.
- Al-Kashani, Muhammad bin Murtada. 1413H/1993. *Kitab al-Safi fi Tafsir al-Qur'an*. Al-Amini, Muhsin al-Husayni (pnyt.). Tehran: *Dar al-Kutub al-Islamiyyah*.
- Al-Khatib, 'Abd al-Latif. 2000. *Mu'jam al-Qira'at*. Dimashq: *Dar Sa'd al-Din*.
- Al-Kulayni, Muhammad bin Ya'qub. 1962. *Al-Usul min al-Kafi*. Al-Ghfari, 'Ali Akbar (pnyt.). Tehran: *Maktabat al-Saduq*.
- Kurdiyyah, Sahr Muhammad Fahmi. 2001. *Manhaj al-Imam al-Nasafi fi al-Qira'at wa Atharuhu fi Tafsiribi*. Tesis Sarjana. Gaza: Universiti Islam Gaza.
- Al-Ma'sarawi, Ahmad 'Isa. 2008. *Al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah*. Ed. ke-2. Qahirah: *Dar al- Salam*.
- Mal Allah, Muhammad. (1982). *Al-Shi'ah wa Tabrif al-Qur'an*. Beirut: *Dar al-Wa'yi al-Islamiy*.
- Mohd Faizulamri Mohd Saad. 2015. *Periwayatan Qira'at dalam Tafsir al-Nasafi*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad, & Mohd Nazri Ahmad. 2020. *Pengujahan Qiraat Mudrajah dalam Tafsir dan Fiqh*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hamidi Ismail, & Mohd Fauzi Hamat. 2016. *Pengisbatan al-Imamah melalui al-Bada'* menurut Syiah al-Ithna 'Ashariyyah. Afkar, 18(1), 1-42.

- Al-Naysaburi, Nizam al-Din al-Hasan. 1996. *Ghara'ib al-Qur'an wa Ghara'ib al-Furqan*. Umayrat, Zakariyya (pnyt). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nasafi, 'Abd Allah bin Ahmad. 1998. *Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wal*. Badiwi, Yusuf 'Ali (pnyt.) Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Al-Qattan, Manna' Khalil. 2015. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Qahirah: Maktabah Wahdah.
- Al-Qaysi, Makki bin Abu Talib. t.th. *Al-Ibanah 'an Ma'anī al-Qira'at*. Shalbiy, 'Abd al-Fattah Isma'il (pnyt.). Mesir: Dar Nahdah Misr.
- Al-Qummi, 'Ali bin Ibrahim. 2014. *Tafsir al-Qummi. Mu'assasat al-Imam al-Mahdi* (pnyt.). Qum: Mu'assasat al-Imam al-Mahdi.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad. 1964. *Al-Jami' li Abkam al-Qur'an*. Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Salih, Subhi Ibrahim. 2009. *'Ulum al-Hadith wa Mustalahuhu*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Shahin, 'Abd al-Sabur. 2007. *Tarikh al-Qur'an*. Ed. ke-3. Qahirah: Nahdah Misr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'. Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali. 1998. *Fath al-Qadir*. Dimashq: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Shukri, Ahmad Khalid. 2008. *Silsilah Buhuth Qimah (1) fi al-Qira'at al-Qur'aniyyah*. 'Amman: Dar al-'Ulum.
- Al-Sindi, 'Abd al-Qayyum bin 'Abd al-Ghafur. 1994. *Safabat fi 'Ulum al-Qira'at*. Makkah: Al-Maktabah al-Amdadiyyah.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1974. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Ibrahim, Muhammad Abu Fadl (pnyt.). Riyad: Wizarat al-Amqaf al-Su'udiyyah
- Al-Tabarsi, Al-Fadl bin al-Hasan. 1423H. *Tafsir Jawami' al-Jami'*. Qum: Mu'assasat al-Nashr al-Islamiy.
- Al-Tabarsi, Al-Fadl bin al-Hasan. 2005. *Majma' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*. Beirut: Dar al-'Ulum
- Al-Tusi, Muhammad bin al-Hasan. t.th. *Al-Tibyan fi Tafsir al-Qur'an*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Zahir, Ihsan Ilahi. 1979. *Al-Shi'ah wa al-Sunnah*. Lahur: Idarah Turjuman al-Sunnah.
- Al-Zamakhshari. 1998. *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujub al-Ta'wil*. Abd al-Mawjud, 'Adil Ahmad, & Mu'awwad, 'Ali Muhammad (pnyt.). Riyad: Maktabat al-'Ubaykan.